

Pelaksanaan rebat kad tambah nilai melegakan pengguna

KUALA LUMPUR 30 Dis.

- Langkah syarikat telekomunikasi yang akan melaksanakan pembayaran rebat cukai barang dan perkhidmatan (GST) RM0.57 sen bagi setiap kad tambah nilai RM10 mulai Jumaat ini dilihat mampu memberi kelagaan kepada pengguna yang selama ini terbeban dengan segala kos kenaikan sara hidup.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar ibu negara hari ini mendapati, rata-rata pengguna menyifatkannya sebagai satu tindakan positif dan prihatin dengan nasib masyarakat khususnya golongan belia dan remaja.

Seorang peniaga, **Mohamad Norshahiran Ayub**, 21, berkata, sebagai pelanggan tetap yang sentiasa memerlukan kredit telefon bimbit untuk urusan perniagaannya, dia bersyukur kerana tiada lagi caj GST yang akan dikenakan apabila membuat pembelian kad tambah nilai.

"Kebiasaannya, saya rasa sangat terbeban kerana setiap kali menambah nilai RM10, akan dikenakan caj GST. Kalau dihimpunkan jumlah caj GST yang dibayar, saya rasa sudah cukup banyak dan jika saya simpan, wang itu boleh digunakan semula untuk menambah nilai.

"Bagi saya, cukup-cukuplah dikenakan caj GST dan kembali kepada harga normal seperti dahulu. Urusan komunikasi dalam talian sudah menjadi rutin dalam



MOHAMAD NORSHAHIRAN



NIK NOR HAZLEEDA



MUNIRAH MUSTAPA

kehidupan dan akan lebih bermakna sekiranya tiada sebarang caj sewaktu urusan pembelian," katanya.

Kelmarin, Forum Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFoM) dalam satu kenyataan berkata, rebat yang berkuat kuasa 1 Januari sehingga 31 Disember 2016 itu bersamaan dengan jumlah GST, akan dikreditkan terus kepada akaun pelanggan prabayar selaras pengumuman kerajaan dalam Bajet 2016.

Menurut CFM, mana-mana pelanggan prabayar yang menambah nilai RM10, pada mulanya akan mendapat masa bual RM9.43 kerana enam peratus GST ditolak daripada tambah nilai berkenaan tetapi akan menerima kembali rebat RM0.57 sen itu dalam tempoh 24 jam.

Sementara itu, juru ukur bahan, **Nik Nor Hazleeda Baharuddin**, 23, menyifatkan usaha yang dilakukan syarikat telekomunikasi itu adalah wajar bagi menarik minat

semula setiap pelanggan mereka mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan.

"Selama ini mereka berhubung menerusi beberapa aplikasi dalam telefon bimbit termasuk medium lain dalam Internet. Ini kerana, caj yang dikenakan itu menjadi penyebab untuk beralih menggunakan medium tersebut sebagai alternatif kedua.

"Cuma saya harap, rebat ini akan terus dilaksanakan sampai bila-bila, bukan sekadar untuk tempoh setahun itu sahaja," katanya.

Dalam pada itu, pelajar universiti swasta, **Munirah Mustapa**, 25, berkata, dia sepatutnya berhak menikmati pembelian kad tambah nilai tanpa dikenakan caj GST.

Katanya, hal ini kerana statusnya sebagai pelajar adalah tidak sama dengan kehidupan seorang pekerja yang sememangnya bergaji dan mampu membeli barangan keperluan termasuk kad tambah nilai.